

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH SENI DAN KREATIVITI CITRA KARISMA 2020

1.0 Nama Anugerah

Anugerah Seni dan Kreativiti

2.0 Latar Belakang Anugerah

Anugerah Seni dan Kreativiti telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf akademik dan staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP) yang berbakat dalam bidang :

- a) Seni persembahan (teater, tari dan muzik)
- b) Seni Bina (Projek rekabentuk bangunan, landskap dan hiasan dalaman)
- c) Seni Visual (catan, arca, animasi, grafik dan fotografi)
- d) Seni Skrin (lakon layar, pengarahannya, penataan seni dan animasi)
- e) Seni Kraf (ukiran, tekstil, logam, anyaman dan batik)
- f) Penulisan Kreatif (novel, puisi, cerpen dan skrip televisyen)

3.0 Kategori Anugerah

Bagi Pencalonan Individu/Kumpulan

- Staf Akademik
- Staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP)

4.0 Kriteria/Syarat-syarat Permohonan

- a) Anugerah ini terbuka kepada semua staf UTM yang berstatus tetap/semestara/kontrak (lantikan universiti)
- b) Staf telah berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun lantikan sebelum 1 Januari 2021.
- c) Pemenang hanya boleh memohon/dicalonkan semula selepas 3 tahun.

5.0 Kaedah Penilaian dan Pemarkahan

Penilaian dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik oleh Pengerusi, JK Anugerah Seni dan Kreativiti dengan persetujuan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

5.1 Kaedah penilaian :

- i. Jawatankuasa menilai permohonan yang diterima.
- ii. Membuat penilaian kesahihan maklumat mengikut kategori bidang.
- iii. Membuat keputusan pemenang anugerah untuk diperakukan oleh Jawatankuasa Induk Majlis Citra Karisma UTM.

6.0 Kos Hadiah

Anugerah	Kategori	Hadiah
Anugerah Seni dan Kreativiti 2020	1. Staf Akademik	1. RM1,000/pemenang
	2. Staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP)	2. RM1,000/pemenang